

05/09/2000

## Malaysia tembusi Lembah Silikon

Mior Kamarul Shahid in Chicago

CHICAGO, Isnin - Malaysia akan menembusi pelaburan secara besar-besaran dalam bidang teknologi tinggi di Lembah Silikon melalui penubuhan Dana Modal Teroka Pasifik Amerika Incorporated (AmPVC).

Memorandum persefahaman (MoU) antara Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dengan sekumpulan individu dikenali sebagai "Rangkaian Profesional Individu Islam", yang bermastautin di kawasan itu, ditandatangani hari ini.

Penubuhan dana modal teroka yang bertindak sebagai sebuah entiti syarikat itu direstui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dana itu akan diurus bersama oleh MTDC dan profesional muda Islam di Lembah Silikon.

Pelaburan akan dibuat dalam syarikat yang dibangunkan oleh profesional Islam di Lembah Silikon. Dana yang dirancang sejak setahun lalu itu mula digerakkan tahun depan.

Majlis menandatangani MoU di sini hari ini disaksikan Perdana Menteri. Perjanjian itu ditandatangani oleh Pengerusi MTDC, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman dan wakil "Rangkaian Profesional Individu Islam" Lembah Silikon, Akram Chowdry.

Sebelum ini, MTDC pernah melabur di Lembah Silikon dengan modal AS\$10 juta. Dengan usaha sama terbaru ini, MTDC akan melakukan pelaburan secara besar-besaran di Lembah Silikon.

Dana dengan modal permulaan AS\$150 juta (RM579 juta) itu bukan saja akan digunakan untuk melabur dalam syarikat teknologi tinggi yang baru di Lembah Silikon bagi mendapat keuntungan modal tetapi juga untuk membawa pulang teknologi atau syarikat yang sesuai ke Malaysia.

Pelaburan dalam dana itu membabitkan tiga kumpulan - Malaysia, kumpulan individu Islam dan syarikat pelaburan dari negara-negara Teluk.

Malaysia melabur AS\$50 juta (RM190 juta), kumpulan individu Islam berkenaan menyumbang AS\$20 (RM76 juta), manakala pelaburan negara Teluk antara AS\$80 juta hingga AS\$100 juta (antara RM304 juta hingga RM380 juta).

Menjelaskan penubuhan dana modal teroka itu, Dr Mahathir berkata ramai individu Islam yang mengambil bahagian dalam penubuhan dana itu sudah pun mempunyai syarikat di Lembah Silikon.

Malah, ada antara mereka bekerja dan memegang jawatan tinggi dalam syarikat teknologi maklumat yang beroperasi di situ. Ketika ini, ada kira-kira 200,000 pakar individu Islam yang bekerja dalam industri tinggi di kawasan itu.

"Mereka menawarkan agar kita menggunakan kemahiran mereka," katanya dalam sidang akhbar di hari akhir lawatannya ke sini, hari ini.

Sepanjang berada di sini, Perdana Menteri berbincang dengan kira-kira 20 pengusaha syarikat berkenaan di samping beberapa pemimpin pertubuhan Islam. Antaranya ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Expert.com, Omar Ahmad; Pengarah Produk Kejuruteraan Silicon Image Inc., Yousef Al-Shehabi; Pengerusi Aptix Dr Amr Mohsen, Presiden Cadabra Design Automation Faysal Sohail dan Naib Presiden Kanan Oracle Corporation, Sohaib Abbasi.

Mereka menyatakan minat untuk melabur bersama Malaysia kerana menyedari potensi Koridor Raya Multimedia (MSC). Malaysia juga dikenali dalam bidang pembuatan yang membolehkan mereka terbabit dalam bidang penyelidikan dan pembangunan di Malaysia.

Dr Mahathir menjelaskan, ramai jurutera negara lain seperti Taiwan dan

India yang mendapat kemahiran di Lembah Silikon dan kemudian pulang ke negara masing-masing memajukan industri teknologi maklumat.

"Sebenarnya ada antara mereka yang datang berjumpa saya baru saja menubuhkan syarikat kira-kira 15 bulan lalu tetapi kini sudah mempunyai modal yang cukup tinggi.

"Kalau awal-awal lagi melabur dalam syarikat itu, mungkin separuh daripada syarikat itu menjadi milik Malaysia. Tetapi disebabkan tidak begitu cekap mengurus dana modal teroka, banyak peluang tidak dapat direbut," katanya.

(END)